

**SOALAN LAZIM PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 2019
PEMBERIAN *EX-GRATIA* KEMATIAN SEKALIGUS KEPADA WARIS YANG LAYAK BAGI
ANGGOTA YANG MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN**

***EX-GRATIA* KEMATIAN**

“Faedah Ex-Gratia Kematian yang akan diberikan kepada waris penjawat awam yang meninggal dunia dalam perkhidmatan bernilai sehingga RM150,000”

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah <i>Ex-Gratia</i> Kematian?	<i>Ex-Gratia</i> Kematian adalah pemberian Kerajaan kepada tanggungan penjawat awam yang meninggal dunia dalam perkhidmatan
2.	Apakah tujuan pemberian <i>Ex-Gratia</i> Kematian?	Bagi membantu tanggungan penjawat awam yang meninggal dunia dalam tempoh tidak lebih 240 bulan perkhidmatan.
3.	Siapakah yang layak diberikan <i>Ex-Gratia</i> Kematian?	Penjawat Awam sama ada sementara atau tetap yang memilih Skim Pencen atau Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Penjawat Awam ini merangkumi Perkhidmatan Awam Persekutuan, Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.
4.	Siapakah yang layak menerima <i>Ex-Gratia</i> Kematian?	<i>Ex-Gratia</i> Kematian akan diberikan kepada balu/ duda/ anak/ ibu/ bapa yang layak. Walau bagaimanapun, <i>Ex-Gratia</i> Kematian ini tidak diberikan kepada kes-kes kematian yang disahkan akibat daripada membunuh diri.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN										
5.	Berapakah jumlah pemberian <i>Ex-Gratia</i> Kematian?	<p>Pemberian <i>Ex-Gratia</i> Kematian adalah berasaskan kepada tempoh perkhidmatan yang boleh dimasuk kira seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="884 363 1995 630"> <thead> <tr> <th data-bbox="884 363 1440 451">Tempoh Perkhidmatan (Bulan)</th> <th data-bbox="1440 363 1995 451">Pembayaran <i>Ex-Gratia</i> Kematian (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="884 451 1440 499">≤ 60</td> <td data-bbox="1440 451 1995 499">150,000</td> </tr> <tr> <td data-bbox="884 499 1440 547">61 hingga 120</td> <td data-bbox="1440 499 1995 547">100,000</td> </tr> <tr> <td data-bbox="884 547 1440 595">121 hingga 180</td> <td data-bbox="1440 547 1995 595">75,000</td> </tr> <tr> <td data-bbox="884 595 1440 630">181 hingga 240</td> <td data-bbox="1440 595 1995 630">50,000</td> </tr> </tbody> </table>	Tempoh Perkhidmatan (Bulan)	Pembayaran <i>Ex-Gratia</i> Kematian (RM)	≤ 60	150,000	61 hingga 120	100,000	121 hingga 180	75,000	181 hingga 240	50,000
Tempoh Perkhidmatan (Bulan)	Pembayaran <i>Ex-Gratia</i> Kematian (RM)											
≤ 60	150,000											
61 hingga 120	100,000											
121 hingga 180	75,000											
181 hingga 240	50,000											
6.	Bagaimana pembayaran <i>Ex-Gratia</i> Kematian dibuat?	Pembayaran <i>Ex-Gratia</i> Kematian dibuat secara sekaligus kepada waris yang layak.										
7.	Adakah <i>Ex-Gratia</i> Kematian menggantikan <i>Ex-Gratia</i> Terbitan/ <i>Ex-Gratia</i> Bencana Kerja?	Tidak. <i>Ex-Gratia</i> Kematian adalah tambahan kepada faedah persaraan yang sedia ada.										
8.	Adakah waris pegawai perlu memohon bagi pemberian <i>Ex-Gratia</i> Kematian?	Pemberian <i>Ex-Gratia</i> Kematian kepada penjawat awam yang memilih skim pencen akan diproses bersekali dengan permohonan faedah persaraan terbitan. Bagi penjawat awam yang memilih Skim KWSP, permohonan perlu dikemukakan oleh Ketua Jabatan kepada Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam. Tatacara permohonan dan borang berkaitan diperincikan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2019.										